



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

| | |
|-----------|------------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date | 13 FEBRUARY 2017 |

Najib lulus RM30j bina litar lumba di Kedah

UM - 13/2/2017

ALOR SETAR 12 Feb. - Satu lagi manifesto Barisan Nasional (BN) negeri pada pilihan raya umum lalu, bakal direalisasikan apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengumumkan peruntukan RM30 juta untuk pembinaan litar lumba di Sungai Petani.

Menurut Perdana Menteri, pembinaan litar lumba itu merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan dalam menyokong pembangunan belia terutama generasi Y (Gen-Y).

“Atas permintaan kerajaan negeri, saya luluskan peruntukan RM30 juta untuk dirikan litar lumba bagi kegunaan semua terutama golongan muda. Tak payah lagi jadi mat rempit atas jalan raya dan berlumbalah sepuas-puasnya di litar itu nanti.

“Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah sudah minta saya lancarkan tak lama lagi. Insya-Allah tarikhnya akan ditetapkan kerana kerajaan berpegang kepada apa yang dinyatakan sebelum ini iaitu janji ditepati,” katanya sambil menerima tepukan gemuruh kira-kira 10,000 hadirin terdiri daripada generasi muda.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada program Santai Gen Y bersama Perdana Menteri di Dataran Menara Alor Setar di sini hari ini.

Dalam program itu, Perdana Menteri turut meluangkan masa berbasikal sejauh tiga kilometer, mencuba permainan kereta mini ‘Tamiya’ serta duduk semeja menikmati hidangan tengah hari bersama para remaja secara santai sambil ditemani isteri, Datin Seri Rosmah Mansor.